



¹⁰¹⁴ KEBEBASAN BERAGAMA MENURUT KASSIM AHMAD: SOROTAN AWAL

Zaidul Amin Suffian Ahmad, Abdul Mukti bin Baharudin, Rosni binti Wazir, Mohd Norzi
bin Nasir

Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

zaidulamin@kuis.edu.my, abdulmukti@kuis.edu.my,
rosni@kuis.edu.my, mohdnorzi@kuis.edu.my,

ABSTRAK

Isu akidah yang menimpa masyarakat Melayu-Islam di Malaysia kini seharusnya dipandang serius. Ia berpunca dari kekurangan ilmu pengetahuan dan salah faham terhadap ajaran Islam itu sendiri yang menyebabkan isu ini semakin parah. Antara kesan paling serius adalah lahirnya kumpulan ajaran sesat yang dilihat begitu mudah mempengaruhi anggota masyarakat Islam sehingga menimbulkan perpecahan. Kertas kerja ini akan membahaskan pandangan Kassim Ahmad berkenaan kebebasan beragama. Melalui metode analisis kualitatif berdasarkan dokumen-dokumen yang diperolehi daripada buku-buku, jurnal-jurnal dan temubual, dapatan kajian menunjukkan beliau memahami kebebasan agama mengikut rasional akal beliau tanpa berpandukan mana-mana pandangan ulama dan menolak sebarang hukuman bagi orang yang murtad.

Kata kunci: kebebasan, agama, Kassim Ahmad, anti hadis, akidah, pemikiran.

1.0 PENGENALAN

Masalah akidah yang menimpa masyarakat Melayu Islam di Malaysia ini seharusnya dipandang serius. Masalah yang berpunca daripada kurangnya ilmu pengetahuan dan salah faham terhadap ajaran Islam itu sendiri yang menyebabkan masalah ini semakin parah. Antara kesan paling serius adalah lahirnya kumpulan ajaran sesat yang dilihat begitu mudah mempengaruhi anggota masyarakat sehingga menimbulkan masalah seumpama barah dalam masyarakat. Namun, penyelidikan ini akan memfokuskan kepada masalah akidah yang lahir kerana salah faham dan salah tafsir terhadap al-Quran yang berpunca daripada penolakan terhadap hadis Rasulullah saw (anti hadis). Kesalahan memahami dan mentafsir al-Quran ini



sememangnya menjurus kepada runtuhnya akidah seseorang muslim kerana al-Quran adalah sumber syariat yang utama dalam Islam dan ianya tidak patut disalah-tafsir mengikut kehendak hawa nafsu individu mahupun golongan tertentu.

Menurut Golongan Anti Hadis (GAH), al-Quran perlu ditafsir semula tanpa terikat dengan tafsiran ulama-ulama terdahulu. Mereka mendakwa tafsiran ulama-ulama terdahulu telah jauh ketinggalan dan tidak sesuai lagi digunapakai masa kini. Dalam mentafsir al-Quran tidak perlu terikat dengan ilmu *asbab al-nuzul*, *nasikh wa al-mansukh*, tafsiran Rasulullah, para sahabat dan ahli-ahli tafsir terdahulu. Memadai menurut mereka tafsiran itu menepati logik akal dan rasional. Secara jelasnya GAH Malaysia telah menyeru umat Islam kepada penafsiran ayat-ayat al-Quran berdasarkan ilmu akal dan sains semata-mata berdasarkan kata-kata pelopor GAH di dalam akhbar *New Straits Times* :

“Semua umat Islam perlu kembali kepada asas-asas Islam dengan menolak tafsiran klasik (lama) yang telah ketinggalan zaman. Kepada umat Islam, kita menyeru supaya digerakkan usaha-usaha membuat tafsiran al-Quran berdasarkan kaedah saintifik”.(12 Okt 2000)¹

2.0 PELOPOR GOLONGAN ANTI HADIS DI MALAYSIA (KASSIM AHMAD)

Kassim Ahmad telah dilahirkan pada 9 September 1933 bersamaan dengan 19 Jamadil Akhir 1352 Hijrah, di Kampung Kubang Tampang, Bukit Pinang, Kedah. Ayahnya Ahmad bin Ishak merupakan seorang guru agama, manakala ibunya Ummi Kalsom Haji Ahmad merupakan seorang suri rumah. Kassim mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu, Bandar Baharu. Kemudiannya beliau berjaya menyambung pengajiannya ke Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar dan seterusnya meneruskan pengajiannya ke Universiti Malaya di Singapura. Ketika di universiti, beliau telah menyertai Kelab Sosialis Universiti Malaya.²(Abdul Mukti Baharudin et. al: 2015)

Semenjak kecil beliau telah bercita-cita untuk menjadi penulis. Sewaktu di sekolah menengah, beliau telah mula berjinak-jinak menulis di surat khabar. Bakat yang ada padanya ini juga menjadi faktor kepada beliau untuk berkerja dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di Young Road, Kuala Lumpur. Selepas itu beliau ditawarkan menjadi pensyarah Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti London dan bertugas di sana selama empat tahun. Oleh sebab tarikan politik, beliau menolak tawaran bekerja tetap dengan SOAS dan kembali ke Malaysia pada tahun 1966. (Abdul Mukti Baharudin et. al: 2015)

¹ Kassim Ahmad. 12 Oktober 2000. *New Straits Times*.

² Temu bual kajian secara langsung oleh kumpulan penyelidik Kajian Awal Gerakan Anti Hadis di Malaysia, bersama Kassim Ahmad di kediamannya Kulim Golf Resort pada 15 Disember 2015 antara jam 12-30-4.30 petang. Lihat: Abdul Mukti bin Baharudin et all, Kajian Awal Gerakan Antihadis di Malaysia, Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2015, Geran Penyelidikan INHAD, 2015/P/GPIK/INHAD-001, Pusat Pengurusan Penyelidikan, KUIS.



Sewaktu di universiti lagi, beliau merupakan seorang yang amat prihatin dengan dasar pendidikan. Beliau dan Hassan Ahmad merupakan di antara 13 orang mahasiswa Universiti Malaya, Singapura yang menentang cara pengajaran dan sistem pengajian Melayu di universiti ketika itu. Malah beliau pernah berucap bagi pihak kumpulan 13 dan menyeru supaya diwujudkan suatu sistem pengajian terbuka. Disertasi beliau bertajuk 'Perwatakan Hang Tuah' pada tahun 1950 telah mencabar persepsi tradisional Melayu bahawa Hang Tuah seorang hero. Beliau dengan beraninya menentang arus apabila melihat dari sudut yang berbeza iaitu mengemukakan dakwaan bahawa Hang Jebat merupakan hero orang Melayu, bukannya Hang Tuah, meski pun Hang Jebat telah membunuh ramai rakyat Melaka yang tidak berdosa. (Abdul Mukti Baharudin et.al: 2015)

Melalui puisi dan kegiatan sastera, beliau menggesa masyarakat yang tertindas bangkit menuntut hak dan pembelaan. Tokoh lain yang sealiran dengannya ialah Usman Awang, Baha Zain, Kemala, Ali Ahmad, Nik Mohammad Zain, Alis Murni, Yahya Ismail, Mohd Affandi Hassan dan Abdul Ghafar Ibrahim. Disebabkan keterlibatan dan sumbangan beliau dalam bidang kesusasteraan, pihak Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganugerahkan beliau Doktor Kehormat Persuratan pada 17 Ogos 1985. Antara karya yang telah diterbitkan oleh beliau ialah Hikayat Hang Tuah (1965), Characterisation in Hikayat Hang Tuah (1966), Kemarau di Lembah (1967), Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah (1973), Sajak 'Pengembara Dalam Perjalanan' (1978), Universiti Kedua (1983), Hadis: Satu Penilaian Semula (1986), Hadis: Jawapan Kepada Pengkritik (1992), Mencari Jalan Pulang Daripada Sosialisme Kepada Islam (2008) dan banyak lagi. (Abdul Mukti Baharudin et.al: 2015)

3.0 AL-QURAN KITAB WAHYU YANG SEMPURNA

Menurut GAH, al-Quran adalah sebuah kitab yang lengkap, sempurna, terperinci, dan tidak memerlukan kitab-kitab lain untuk menyempurnakan dan melengkapkannya. Tugas Nabi Muhammad semata-mata menyampaikan al-Quran, dan tidak lebih dari itu. Sunnah dan hadis tetap wujud, tetapi martabat mereka tidak sama dengan al-Quran. Hadis merupakan pandangan dan pendapat manusia yang tidak terjamin kebenarannya. Ia tidak lebih daripada tekaan dan agakan. Ibadah-ibadah sembahyang, puasa, zakat dan haji bukan disampaikan melalui Hadis, tetapi adalah amalan turun-temurun yang berpunca daripada ajaran Tuhan kepada Nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya. (Kassim Ahmad: 2008)

GAH menyatakan bahawa walaupun hadis tidak diperlukan sebagai bimbingan (kerana al-Quran sudah mencukupi), masyarakat tidak perlu membakar buku-buku (kitab-kitab) hadis. Buku-buku hadis merupakan satu catatan kesusasteraan dan sejarah yang perlu kepada pengkaji-pengkaji sejarah dan masyarakat bila mereka mengkaji sejarah dan masyarakat Islam pada waktu itu. Beliau juga berpendapat, seorang ahli sejarah dan ahli kaji masyarakat



tidak akan dapat memahami sejarah dan masyarakat Islam sekarang tanpa mengkaji hadis. (Kassim Ahmad: 2008)

GAH menegaskan bahawa segala panduan yang diperlukan oleh umat Islam dapat diperolehi tanpa gagal daripada al-Quran. Namun demikian, umat Islam boleh membaca dan mengkaji buku-buku hadis, sepertimana kita boleh membaca dan mengkaji buku-buku lain, dengan syarat umat Islam sedar bahawa kita tidak boleh menerima saranan-saranan dan idea-idea yang bercanggah dengan ajaran-ajaran al-Quran, dengan keterangan-keterangan sejarah yang sahih dan dengan hukum akal. Terdapat banyak saranan dan idea yang bercanggah dengan ajaran-ajaran al-Quran, dengan keterangan-keterangan sejarah yang sahih dan dengan hukum akal. Memang ada banyak saranan dan idea yang baik dalam hadis, antara dua daripada sebab-sebab pemalsuan hadis ialah untuk menggalakkan kebaikan dan mencegah kejahatan, dan untuk menyalurkan ajaran-ajaran yang baik dari sumber-sumber bukan Islam. Tambahan, saranan dan idea yang baik daripada hadis, sepertimana saranan dan idea yang baik daripada mana-mana sumber pun, memang boleh dan perlu diterima kerana perkara tersebut nyata munasabah dan yang tidak perlu dihuraikan. (Kassim Ahmad: 2008)

4.0 METODOLOGI PENAFSIRAN GOLONGAN ANTI HADIS

Serangan orientalis yang dilancarkan terhadap hadis secara berperingkat, terancang, dan berterusan telah menyebabkan golongan anti hadis muncul semula secara jelas pada abad ke 19 Masihi setelah sekian lama lenyap. GAH melalui penulisan dalam buku-buku dan blog telah terpengaruh dengan ideologi barat dan sekular. (Mohd Norzi Nasir et.al, 2016) Barat berusaha meracuni pemikiran umat Islam agar mereka memandang agama Islam sebagai sebuah agama yang jauh mundur, bersifat diskriminatif bukan hanya dalam hubungan sosiologis manusia sahaja malah turut merebak dalam pentafsiran teks-teks keagamaan. Dalam kajian kritiknya terhadap hadis, GAH dilihat tidak menggunakan metode penafsiran yang sebenar yang telah digaris-pandu oleh Ulama', bahkan mereka telah membuat metode tafsir yang tersendiri sehingga berlaku banyak kekeliruan dan penyelewengan di dalamnya. (Mohd Norzi Nasir et.al, 2016) Antara metode yang digunakan oleh GAH ialah:

4.1 Menafsirkan nas al-Qur'an berdasarkan pemahaman akal mereka sahaja.

Tafsiran perkataan "al-hikmah". Kassim Ahmad menyatakan bahawa kalimah "al-hikmah" adalah merujuk kepada al-Quran, bukan sunnah. Beliau menolak dakwaan bahawa sunnah merupakan wahyu daripada Allah. Menurutnya tafsiran Imam al-Shafi'e yang mengatakan hikmah adalah hadis tidak munasabah kerana tidak memberikan hujah yang kukuh untuk diterimanya sebagai satu kepastian. Kassim menganggap tafsiran yang dibuat oleh al-Syafie dengan mengutip pandangan ahli-ahli yang dipersetujui dan terus membuat kesimpulan perkataan hikmah hanyalah sunnah. Menurutnya, jika diteliti di dalam al-Quran, hikmah



merujuk kepada al-Quran dan ajaran al-Quran itu sendiri berdasarkan surah al-Isra' ayat 39: (Prof Haron Din et all. 1988).

﴿مَدْحُورًا مَلُومًا جَهَنَّمَ فِي فَتُلُقَىٰ ءَاٰخِرَ اَلْحَيٰةِ اَللّٰهُ مَعَ جَعَلْ وَلَا اَلْحِكْمَةَ مِنْ رَبُّكَ اِلَيْكَ اَوْحَىٰ مِمَّا ذٰلِكَ﴾

Perintah yang demikian itu ialah sebahagian dari hikmat yang telah diwahyukan kepadamu (wahai Muhammad) oleh Tuhanmu dan (ingatlah) janganlah engkau jadikan bersama-sama Allah sesuatu yang lain yang disembah, kerana akibatnya engkau akan dicampakkan ke dalam Neraka Jahannam dengan keadaan tercela dan tersingkir (dari rahmat Allah).

4.2 Mendahulukan pandangan logik akal dan juga reaksi para pemikir lain dalam menafsir ayat al-Quran.

Meletakkan pandangan logik akal mereka diperingkat yang tertinggi adalah di antara metode utama penafsiran al-Quran oleh golongan ini. Tidak salah menggunakan akal dalam memikirkan kehendak kehidupan. Namun akal manusia adalah terbatas dalam memahami kehendak Ilahi. Akal juga seharusnya dibimbing dengan batasan yang ditentukan oleh Allah SWT. (Prof Haron Din et all. 1988)

Terdapat bukti yang jelas di dalam al-Quran menunjukkan penguasaan akal manusia adalah terbatas. Sebagai contoh perbahasan soal roh. Perkara ini telah dijelaskan di dalam al-Quran sendiri yang menunjukkan kemampuan akal manusia adalah terbatas. Kumpulan ini melihat golongan agama seolah kumpulan yang tidak berakal. Mereka hanya menerima bulat-bulat apa yang disampaikan kepada mereka tanpa memikirkan amalan yang mereka warisi itu. Kebencian mereka bertambah apabila golongan agama ini dilihat sebagai sering menghalang manusia daripada menggunakan akal dalam urusan agama dan dunia ini. (Prof Haron Din et all. 1988)

4.3 Tafsir bi al-Ray al-Mazmum

Penafsiran yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak berkelayakan untuk mentafsir ayat-ayat al-Quran atau dengan menyokong mazhab yang sesat. Tafsir jenis ini berdasarkan sumber yang palsu atau meragukan dan tidak mempunyai asas. Penafsiran dengan tidak disertai ijtihad, tetapi disertai hawa nafsu. Menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an sesuai dengan pendapat dan keyakinan mereka, sehingga penafsiran itu membawa kepada arah pemikiran yang kosong, ditafsirkan tanpa ilmu hanya menuruti kehendak dengan tidak mengetahui dasar-dasar bahasa dan syari'at. Menafsirkan Al Qur'an semata-mata dengan akal dan pandangan sendiri tanpa landasan ilmu yang benar, hukumnya haram dan terlarang melakukannya. Antara dalil yang menunjukkan pengharamannya ialah: (Muhammad Hafrinda, 2009)



Firman Allah SWT, didalam surah al-Isra' ayat 36 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak memiliki pengetahuan tentangnya, sesungguhnya pendengaran, penglihatan, dan hati akan diminta pertanggung jawabannya”.

Sebaliknya kaedah menafsirkan ayat Al-Qur'an yang benar adalah menafsirkannya dengan ayat Al Qur'an yang lain, jika tidak terdapat pada ayat yang lain, maka cari penafsirannya pada Al-Sunnah, jika tidak terdapat pada Al-Sunnah, maka cari tafsirnya dari penjelasan para Sahabat Nabi, jika tidak terdapat pada penjelasan sahabat Nabi, maka merujuk pada penjelasan para tabi'in, jika tabi'in berselisih maka diambil pendapat terkuat yang sesuai dengan kaidah bahasa Arab dan kaedah tafsir. (Muhammad bin Salih Al-'Utsaymin, 2005)

4.4 Menggunakan Terjemahan Harfiah

Terjemahan harfiah yang dilakukan oleh golongan anti hadis kebanyakannya menyeleweng dari maksud sebenar ayat. Contohnya ialah firman Allah SWT dalam surah al-Zukhruf ayat 3:

﴿تَعْقِلُونَ لَعَلَّكُمْ عَرَبِيًّا قُرْءَانًا جَعَلْنَاهُ إِنَّا﴾

“Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran Yang diturunkan Dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.”

Terjemah harfiah terhadap ayat ini ialah menterjemahkan satu persatu perkataan dalam ayat ini iaitu 'inna' kemudian 'ja'alna' kemudian 'qara'na' kemudian 'arabiyana' dan seterusnya. (Fadlan bin Mohd Othman, t.t)

Terjemahan secara harfiah tidak boleh dianggap sebagai makna sebenar dari al-Qur'an kerana al-Qur'an menggunakan suatu lafaz dengan berbagai gaya untuk suatu maksud yang bervariasi; kadang-kadang untuk makna hakiki, kadang-kadang pula untuk makna majazi (kiasan) atau makna dan maksud lainnya. Golongan Anti Hadis sangat gemar menggunakan metode tafsir terjemahan harfiah. Ini menyebabkan mereka gagal memahami makna keseluruhan ayat al-Quran yang sebenar. (Ahmad Bazli Ahmad Hilmi et.al, 2014)

Di sisi kebanyakan ulama', terjemahan harfiah adalah mustahil kerana ianya mempunyai syarat-syarat yang tidak boleh dipenuhi. Sesetengah ulama' pula mengatakan bahawa terjemahan harfiah boleh dilaksanakan pada sesetengah ayat. Akan tetapi, walaupun ianya boleh dilaksanakan, hukumnya tetap haram kerana ianya tidak mungkin dapat menyampaikan maksud dengan sempurna, tidak memberi kesan pada jiwa-jiwa seperti kesan al-Quran yang berbahasa Arab yang jelas dan tiada keperluan (darurat) kepadanya kerana terjemahan ma'nawiyah sudah mencukupi. (Fadlan bin Mohd Othman, t.t)



Dengan itu, walaupun terjemahan harfiah dapat dilaksanakan pada sesetengah perkataan, ianya tetap dilarang oleh Syarak kecuali sekiranya diterjemahkan sesuatu perkataan dalam sesuatu bahasa untuk difahami orang yang mendengar dan bukannya diterjemahkan keseluruhan konteks ayat. (Fadlan bin Mohd Othman, t.t)

5.0 KEBEBASAN BERAGAMA

Kassim Ahmad di dalam bukunya Dilema Umat Islam Antara Hadis dan Al-Quran (2002) menyatakan, hasil dari kajian beliau terhadap hadis, beliau mengkategorikan hadis kepada tiga keadaan:

- a) Hadis-hadis yang bercanggah dengan ajaran al-Quran.
- b) Hadis-hadis yang selaras dengan ajaran al-Quran.
- c) Hadis-hadis yang boleh dianggap neutral, tidak jelas bercanggah atau jelas selari dengan ajaran al-Quran.

Kategori (a) nyata tertolak dan tidak boleh dipakai oleh umat Islam. Kategori (b) boleh dipakai, kerana selaras dengan ajaran Quran, walaupun pada hakikatnya hadis-hadis ini mungkin tidak berasal daripada Nabi. Berhubung dengan kategori (c), kita boleh merujuk perkara ini kepada kalangan pakar, jika perkaranya berhubung dengan sesuatu yang bersifat teknikal, atau kepada pihak berkuasa, atau kita boleh menggunakan budi bicara kita sendiri untuk menerima atau menolaknya.

Bagi kategori (a) beliau mendatangkan dua contoh undang-undang Islam yang bercanggah antara ajaran al-Quran dan hadis. Pertama hukuman bunuh terhadap orang Islam yang murtad dan kedua hukuman rejam dengan batu hingga mati bagi pasangan yang telah berkahwin. Menurut beliau, kedua-dua hukuman ini bukan berasal dari ajaran al-Quran tetapi dari kitab Taurat. Hukuman ini sama ada satu pindaan yang telah dibuat oleh orang Yahudi terhadap kitab mereka, atau hukuman ini telah dimansuhkan dalam Quran. (Kassim Ahmad: 2002)

"Hadis mengenakan hukuman bunuh terhadap orang Islam yang murtad. Hukuman ini berasal dari kitab Taurat dan bercanggah dengan ajaran Quran". (Kassim Ahmad: 2002)

Petikan dari kitab Taurat yang beliau maksudkan adalah: "*Tetapi bunuhlah seorang penta'bir mimpi atau nabi yang melawan Tuhan...Walau abangmu atau anak lelaki atau anak perempuan atau isteri yang kamu kasih atau sahabatmu yang paling karib sekalipun boleh menggalakkan kamu menyembah tuhan-tuhan kaum lain yang duduk berhampiran dengan kamu, ataupun tuhan-tuhan mereka yang tinggal jauh daripada kamu. Tetapi jangan biarkan dia memujuk kamu; jangan dengan dia pun. Jangan berlembut atau kasihan kepadanya dan jangan melindungi dia. Bunuhlah dia! Dululah kamu merejam dia dengan batu dan kemudian biar semua orang merejam dia dengan batu. Rejamlah dengan batu*



hingga mati! Dia cuba membawa kamu daripada Tuhan kamu yang telah menyelamatkan kamu dari pengabdian di Mesir..." (Deuteronomy, 13:5-10)

Menurut beliau hukuman ini bermakna tiada kebebasan beragama bagi orang Islam. Ini bercanggah dengan pengisytiharan Tuhan yang masyhur dalam Quran bahawa tiada paksaan dalam agama.

"Ayat yang memberi kebebasan mutlak kepada seseorang untuk memilih agamanya banyak. Tetapi yang paling kuat ialah ayat 2:256 yang berbunyi, "Tidak ada paksaan dalam agama; jalan yang betul sekarang dibezakan dengan jalan yang salah. Oleh itu barangsiapa yang mengutuk syaitan dan beriman dengan Allah telah berpaut pada ikatan yang tidak mungkin putus." Perhatikan ayat ini datang selepas ayat yang paling agung yang mengisytiharkan kuasa Tuhan yang tidak ada tolok bandingnya. Makna tersiratnya, jika Tuhan Yang Maha Berkuasa tidak memaksa manusia beriman kepada-Nya, bolehkah pula manusia berbuat demikian?". (Kassim Ahmad: 2002)

Beliau juga mendakwa bahawa umat Islam telah silap dengan menyatakan khalifah pertama umat Islam iaitu Abu Bakar Al-Siddiq memerangi golongan murtad, hakikatnya khalifah memerangi golongan pemberontak.

"Peperangan yang dilancarkan oleh Khalifah Abu Bakr (632-34) terhadap suku-suku Arab yang ingkar membayar zakat kepada negara dianggap telah memberontak terhadap pemerintahan Islam. Mereka dibunuh bukan kerana murtad tetapi kerana pemberontakan mereka. Harus dibezakan antara perbuatan murtad dari perbuatan menghina Islam atau perbuatan memberontak terhadap sebuah pemerintahan Islam yang sah. Dua jenis perbuatan ini, murtad dan menghina atau memberontak, tidak sama" (Kassim Ahmad: 2002)

Bagi menguatkan lagi hujah beliau tentang wujudnya kebebasan beragama dalam Islam, Kassim Ahmad mendatangkan dalil al-Quran dari Surah Al-Kahfi ayat 29 dengan menyatakan bahawa Allah SWT memberi kebebasan mutlak kepada manusia untuk beriman atau menjadi kafir. "*Inilah kebenaran daripada Tuhanmu" dan selepas itu, "Barangsiapa mahu beriman, berimanlah dan barangsiapa mahu kafir, kafirlah."* (Quran, 18:29).

Beliau turut menyatakan bahawa hukuman terhadap kekafiran hanya akan dijatuhkan oleh Tuhan pada Hari Qiamat. Di dunia tidak ada hukuman. Sebaliknya dalam hadis, hukuman terhadap orang-orang murtad itu ialah bunuh. Hukuman ini juga sama dengan hukuman dalam kitab Taurat (Kassim Ahmad: 1992).

Bagi membenarkan pandangan beliau bahawa Allah s.w.t. memberi kebebasan beragama, Kassim Ahmad membawa datang dalil dari Surah al-Baqarah ayat 255 dan 256 dengan menggunakan tafsiran beliau sendiri: "*Ayat kursi ni menyatakan sifat Tuhan yang hebatkan.*



Lepas tu dia kata suatu kuasa yang hebat di alam raya, dia kata aku tak paksa kamu ikut agama yang aku reda. Dia tak paksa.. awak nak masuk bagus, awak tak mau pun tak pa. Hukuman tak ada sehingga akhirat besok. It is very significant pleasing. Makna yang sangat jelas lah.. Tuhan yang paling berkuasa, Dia tak paksa kita ikut agama yang Dia reda, إن الدين عند الله الإسلام. Nampak, how significant it is. Absolute free of choice in religion. Ni ulama, ular dalam semak ni duk paksa orang buat macam ni.. ha. Di mana dia dapat authority dia. Tak gila ka” (Temu bual kajian secara langsung oleh kumpulan penyelidik Kajian Preliminari bersama Kassim Ahmad di kediamannya Kulim Golf Resort pada 15 Disember 2015 antara jam 12-30-4.30 petang).

"Dalam Quran, Tuhan memberi kebebasan mutlak kepada manusia sama ada hendak beriman atau kafir kepada-Nya. Seorang manusia berhak untuk memilih agama yang hendak dianutinya, atau keluar dari agama itu. Tidak ada syarat setelah memasuki Islam atau Kristian atau Hindu, maka seseorang itu tidak boleh keluar dari agama itu, jika ia mahu".(Kassim Ahmad: 2002)

Beliau menafsirkan ayat ini mengikut rasional akal beliau tanpa berpandukan mana-mana tafsiran ulama. Menurut beliau, agama Islam telah dipandang hina kerana telah mengamalkan undang-undang yang zalim dan kejam seperti memotong tangan bagi pencuri, merejam batu bagi *muhsan* yang berzina dan membunuh bagi yang murtad. Seharusnya umat Islam diberi kebebasan untuk melakukan apa sahaja termasuklah murtad tanpa dikenakan apa-apa hukuman.

Menurut beliau: “Logiklah Tuhan tidak memaksa manusia untuk beriman kepada-Nya, kerana paksaan untuk beriman tidak boleh dihukum pada Hari Pembalasan kelak. Hanya jika iman itu dipegang dengan sukarela dan bebas barulah penolakan iman boleh dihukum.

Nyatalah juga, kebebasan ini mutlak. Tidak ada kebebasan jika orang Islam tidak boleh menukar agamanya. Kebebasan bermakna bebas masuk (Islam) dan bebas keluar. Bebas masuk, tetapi tidak bebas keluar, bukan bebas namanya. Hadis yang menyatakan, “Barangsiapa menukar agamanya, bunuhlah dia,” bukan saja sanadnya lemah, tetapi disepakati oleh kebanyakan ahli hukum Islam bahawa Nabi Muhammad tidak pernah membunuh kerana murtad semata-mata. Peristiwa *riddah* dalam zaman Khalifah Abu Bakar itu, bukan kerana murtad, tetapi kerana pemberontakan terhadap negara” (Kassim Ahmad. 2015. *Kebebasan Beragama*. <http://kassimahmad.blogspot.my/2015/03/kebebasan-beragama.html> atas talian 8 Mac 2015).

Kassim Ahmad turut menyatakan: "Hukuman-hukuman yang secara khusus disebut dalam Quran, seperti potong tangan untuk pencuri dan sebat seratus rotan untuk kedua-dua pezina, semuanya diikuti dengan perintah menyuruh meringankan hukuman-hukuman itu hingga pengampunan, jika mereka insaf dan bertaubat. (Quran 5:38-39) Hukuman-hukuman khusus ini harus dilihat dalam konteks sejarah, kerana al-Quran, selain daripada sebuah Kitab yang



mengandung ajaran-ajaran universal, juga menangani masalah-masalah khusus masyarakat Arab abad ke-7 dalam sejarah. Umpamanya, dalam masyarakat Arab itu, wujud kaum hamba abdi. Al-Quran yang ajarannya berjiwa praktikal tidak terus-menerus menyuruh membebaskan mereka, walaupun itulah tujuan akhir ajaran Quran dalam hal ini.

Dalam kajian perbandingan undang-undang yang saya lakukan, saya berjumpa dengan kes hukuman potong kepala sebagai salah satu hukuman untuk pencuri di England dalam abad ke-19. Ini menunjukkan bahawa undang-undang di mana-mana pun pada zaman dulu amat keras, kerana undang-undang ini bertujuan untuk mendera dan mencegah manusia daripada perbuatan jahat dan mendidiknya menjadi baik. Masyarakat moden kita pun boleh mengenakan undang-undang keras, seperti yang kita kenakan terhadap jenayah mengedar dadah, kalau kita mahu, berdasarkan prinsip hukuman setimpal atau hukuman adil – satu daripada prinsip hukuman yang diperintahkan dalam Quran. Satu lagi prinsip hukum yang Tuhan perintahkan kita dalam Quran ialah hukuman ehsan atau rahim, yang terkandung dalam bahagian kedua ayat kita petik tadi (Quran 5:39). Dari sini kita dapat melihat bahawa Tuhan telah memberi kepada kita dua prinsip hukuman yang sangat elok. Jika badan perundangan kita menghukum dengan menggunakan dua prinsip ini, negara kita sudah menjalankan undang-undang Tuhan. Hukuman Takzir, yakni yang dikenakan oleh hakim, mengikuti budi-bicaranya, walaupun tidak dikaitkan dengan perintah Tuhan dalam ayat tadi oleh kaum Fukaha, diakui dalam Syariah". (Kassim Ahmad: 2002)

Kassim Ahmad turut mendakwa keislaman orang Melayu pada masa kini tidak tulen dan ia merupakan “Islam baka”, Islam keturunan yang diwarisi generasi demi generasi. Pada hakikatnya Islam ini tidak membuktikan bahawa orang Melayu itu benar-benar Islam. Dia perlu yakin tentang keislamannya dahulu. Kalau Islamnya itu ikut-ikutan sahaja waktu dia mencapai umur 40 tahun, Islam itu tidak boleh dikira benar.

Beliau mengatakan Allah s.w.t. meletakkan tanggungjawab bagi perbuatan manusia ketika berusia 40 tahun, berdasarkan ayat al-Quran dari Surah al-Ahqaf ayat 15:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا وَحَمَلُهُ وَفِصْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا حَتَّىٰ إِذَا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ وُلَدِي وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَصْلِحْ لِي فِي ذُرِّيَّتِي إِنِّي تُبْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ١٥

Maksudnya:

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh



menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. Setelah dia besar sampai ke peringkat dewasa yang sempurna kekuatannya dan sampai ke peringkat umur empat puluh tahun, berdoalah dia dengan berkata: Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu). (Surah al-Ahqaf: 15)

Walaupun manusia dari pelbagai agama dikehendaki bersikap toleransi terhadap satu sama lain dan hidup bersama tanpa sengketa, setiap manusia pada umur 40 tahun bertanggungjawab memeluk agama yang benar, iaitu Islam (Kassim Ahmad: 2014).

6.0 KESIMPULAN

Kepentingan mengambil pandangan daripada sumber-sumber yang berautoriti, iaitu daripada nas wahyu al-Quran dan al-Sunnah, fakta sejarah ataupun teori serta pemikiran yang telah diterima ramai, membawa maksud tidak boleh menyalahi dengan sesuatu perkara yang telah ditetapkan secara *qat'i* oleh sumber al-Quran dan al-Sunnah.

Pemikiran manusia berasaskan kepada sumber akal semata-mata mahupun pentafsiran terhadap nas atau respon terhadap situasi sosial yang timbul di zamannya perlu dinilai secara kritikal.

Pandangan hukum Islam yang dibawa oleh sarjana orientalis Barat amat merbahaya sehingga mampu mempengaruhi sesetengah muslim yang begitu mengagumi karya orientalis Barat. Sebagaimana berlaku kepada Rashad Khalifa, keadaan yang sama turut berlaku kepada Kassim Ahmad yang amat terpengaruh dengan idea penolakan hadis yang dibawa oleh Joseph Schacht dan Goldziher.

Kassim Ahmad merasakan beliau di pihak yang benar setelah beliau mengkaji tulisan-tulisan orientalis barat berkenaan Islam. Pada masa yang sama beliau hanya merujuk terjemahan al-Quran bahasa Melayu sahaja tanpa melihat tafsiran ulama-ulama silam. Kelihatan tafsiran beliau ini mirip kepada tafsiran golongan Muktazilah yang mendahulukan logik akal dan saintifik. Beliau juga bersifat selektif terhadap ayat-ayat al-Quran, begitu juga hadis yang sealian dengan pandangan beliau. Keenganan beliau untuk mengikut pandangan ulama-ulama muktabar adalah kerana sifat skeptikal beliau terhadap kredibiliti ulama. Beliau beranggapan para ulama telah menutup pintu ijtihad dan menghalang pemikiran secara kritis di kalangan masyarakat awam. Pandangan Kassim Ahmad ini turut dikongsi bersama dengan aliran liberalisme, pluralisme dan sosialisme. Masyarakat perlu diperingatkan agar tidak



bertaklid dengan pandangan yang bercanggah dan tidak selari dengan ajaran al-Quran dan *al-Sunnah*.

7.0 RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Abdul Karim Ali. t.t. *Penguatkuasaan Fatwa Pengharaman Karya-karya Anti Hadith di Malaysia: Satu Penilaian*.

Abdullah bin Umar al-Baidhowi. 1999. *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Takwil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Jilid 1.

Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman Alu Syaikh; penerjemah, M. Abdul Ghoftar. 2017. *Tafsir Ibnu Khatsir*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

Abdullah Yusuf Ali. 1989. *The Meaning of The Holy Quran*. USA: Amana Corporation.

Abdul Jabbar Al-Qadhi. 1965. *Syarh Al-Usul Al-Khamsah*. Kaherah: Maktabah Al-Wahbiyah.

Abu Ameenah Bilal Philips. 1987. *The Qur'an Numerical Miracle: Hoax and Heresy*. Al-Furqan Publication. Riyadh Saudi Arabia.

Ahmad bin Muhammad. 2000. *Al-Misbah al-Munir*. Kaherah: Dar al-Hadith.

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi et. Al. 2014. *Terjemahan al-Qur'an Bahasa Melayu: Penilaian Berasaskan Tafsir 'Ilm*.

Ahmad Mustafa al-Maraghiy. *Tafsir al-Maraghiy*. Kuala Lumpur: DBP. Jilid 11.

Ahmad Sanusi Azmi Mohd Yusuf Ismail Zuhilmi Mohamed Nor, 2011, *Gerakan Anti Hadith Moden: Kajian Terhadap Penyebaran Pemikiran Melalui Internet*, Jurnal Penyelidikan Islam, Bil 24.

Ahmad Sonhadji. 1992. 'Abr al-Athir. Kuala Lumpur: Pustaka al-Mizan. Jilid 11

Al-Munawi, Faidh al-Qadir Syarh al-Jami al-Saghir, 1999. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Syaikh Abdul Rahman al-Sa'di, *Taysir al-Karim al-rahman fi Tafsir Kalam al-Mannan*, 2005, cet 2. Bayrut, Muassasat al-Risalah.

Al-Sabuni. *Safwat al-Tafasir*. 1996. Darul Kutub al-Ilmiyyah. Beirut

Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 1986. *Tarikh al-Tabari*. cet. 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Qaradawi, Yusuf 'Abd Allah, al-Sahwah al-Islamiyyah Bayn al-Jumud wa al-Tatarruf, cet. ke-2 (Kaherah: Dar al-Shuruq, 2005).

Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Cohen L, Manion L & Marrison. 2007. *Research Methods in Educations*. London:Routledge.

Fadlan bin Mohd Othman, t.t, *Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu Ushul Tafsir*.



- Hamka. T.t. *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Hamka. 1984. *Tafsir al-Azhar*. Yayasan Nurul Islam.
- Haron Din et all. 1988. *Jawapan Kepada Buku Hadis Satu Penilaian Semula*. Selangor: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Joyce M. Hawkins. 2000. *Kamus Dwibahasa Oxford*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. 2014. *Jalan Yang Lurus*. Ampang: Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.
- Kassim Ahmad. 2008. *Hadis: Satu Penilaian Semula*.
- Kassim Ahmad. 2002. *Dilema Umat Islam Antara Hadis dan Quran*. Pulau Pinang: Forum Iqra.
- Kassim Ahmad. 2002. *Kontroversi Hukum Hudud*. Pulau Pinang: Forum Iqra.
- Kassim Ahmad. 12 Oktober 2000. *New Straits Times*.
- Kassim Ahmad. 1992. *Hadis Jawapan Kepada Pengkritik*. Kuala Lumpur: Jiwamas Printers Sdn Bhd.
- Mohd Al'ikhsan bin Ghazali, Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah, SUNNAH NABI: Realiti dan Cabaran Semasa. 2011. Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Universiti Malaya : Kuala Lumpur.
- Mohd Norzi Nasir, Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Suriani Sudi, Zanariah Ismail, Sakinah Salleh, Azman Abdul Rahman. 2016. *Metode Kassim Ahmad Dalam Kajian Hadis: Satu Penilaian Dalam Timbangan Metode Ilmiah Ulama Hadis*, HADIS : Jurnal Ilmiah Berwasit Tahun keenam. Bil 11.
- Muhammad bin Mukram. 1997. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Saadir. Jilid 3.
- Muhammad bin Salih Al-'Utsaymin. 2005. *Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu Usul At-Tafsir* (Terj.). Pernerajaan Jahabersa. Johor Bahru.
- Muhammad Murtadha al-Husayni al-Zabidi. 1985. *Taj al-'Arush* ed. Mustafa Hijazi (Kuwayt: Maktabah al-Hukumah al-Kuwayt).
- Muhammad Hafrinda. 2009. *Metode Tafsir Bi Al-Ra'yi*.
- Muhyiddin al-Darwish. 1999. *'Irab al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar Ibn Kathir. Jilid 8.
- Mustaffa suhaimi. 1988. *Terbongkar Rashad Khalifa: Rasul Agama Kod 19*.
- M. Quraish Shihab. 2012. *Tafsir Al-Misbah Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Quran*. Jakarta: Lentera Hati.
- Nik Azis Nik Pa. t.t. *Penghasilan Disertasi Berkualiti dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam Penyelidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd.



Prof Dr Omar bin Yaakob. 2014. *Menolak Penyelewegan Pemikiran Anti Hadis*. Harakah Daily. Pertubuhan IKRAM Malaysia.

Wahbah al-Zuhaili. 1997. *Fiqh dan Perundang Islam*. Kuala Lumpur: DBP. Jilid 1.